



BAKLY Baba mengawasi ternakan kambing di ladangnya di Rembau, Negeri Sembilan.

Saya memilih baka Shami kerana mendapati ia baka yang berpotensi untuk diusahakan dan mampu memberi aliran wang tunai yang cepat serta mendatangkan pulangan sehingga tiga kali ganda berbanding baka lain

industri ternakan secara komersial bagi daging dan susu sekali gus.

"Hasil dari susu ialah lapan kali ganda lebih tinggi dari daging" ujarnya ketika ditemui di ladangnya di Rembau baru-baru ini.

Ladang tersebut yang dimajukan di bawah syarikat Intan Terpilis Farni, kini memiliki kira-kira 350 ekor baka Shami yang pada asalnya dibawa masuk dari Cyprus menerusi Astreda Corporation.

Menurut Bakly, antara keistimewaan baka tersebut ialah mampu mengeluarkan purata tiga hingga empat liter susu bagi seekor kambing sehari.

Baka Shami juga mampu mengeluarkan susu dalam jangka masa antara tujuh ke sembilan bulan dengan mencapai jumlah pengeluaran susu antara 400 ke 850 liter bergantung kepada kualiti pemakanan dan kesihatan kambing.

Buat masa ini selain dari mengeluarkan dan menjual susu, Bakly memupuk usaha mendapatkan banyak anak baka kambing Shami kerana permintaan yang tinggi dari penternak.

Ramai penternak kata beliau, telah jauh melebihi kambing Shami mampu memberi pulangan lebih baik.

Ladangnya yang kini mempunyai 1,000 ekor kambing terutama Shami dan juga kambing kacang Shami (gantan) dengan kambing betina baka lain seperti Boer, Jamnapari dan Saanen dan akan terus memberi tumpuan kepada pengeluaran susu kambing Shami pada masa akan datang.

Sejarah shami

BERDASARKAN sejarah, ladang keluarga Antonides dibangunkan pada 1929 yang terletak di pulau Cyprus berhampiran Pessenti, kira-kira 32 kilometer (dua) dari bandar Linasol.

Ladang ini dibangunkan pada di atas bukit kecil dengan ketinggian 50 meter dari aras laut.

Pengawasan dijalankan dengan menggunakan penjaja terpelihara dengan penguasaan keturunan ditentukan mengikut skin dengan pengawasan berbulanan iaitu dengan menggunakan nisbah seekor pulangan kepada 25 ekor betina.

Ladang ini tidak menggunakan penyusutan itu.

Semua anak kambing diasingkan dari ibu sebakul sebagai dihalakan dan terus ditindakkan ke unit pemeliharaan buatan yang direka khusus untuk memudahkan pemberian susu awal (kolostrum) selama dua hari dan seterusnya ini selama 45 hingga 48 hari lampau.

Pada masa sama rupiah alfalfa kering dan makanan anak (krip) dibelikan. Al-berah dibekalkan melalui penyalur antonides setelah bekal susu dibentkan, antonides kambing dipindahkan ke kandang lain untuk dibesarkan di situ.

mereka diberi konsentrat (makanan berenergi dan berprotein tinggi) selain besul baik kering sehingga beratnya 120 hari.

Pada peringkat ini, ternakan mula diasingkan mengikut jantina. Kambing jantan dan betina yang dipilih khusus untuk pembibakan akan dimasukkan dalam kandang berasingan iaitu antara 25 ke 30 ekor dalam satu kumpulan.

Makanan yang masih diberikan kepada ternakan ini sehingga umur empat bulan dan betinanya mencapai berat badan purata di antara 30 dan 34 kilogram manakala jantan di antara 33 hingga 36 kg. Kambing yang terpilih untuk pembibakan pada umur empat bulan akan melalui program matrika dan kawalan veteriner yang intensif.

Kambing betina dewasa boleh mencapai berat badan di antara 60 hingga 65 kg manakala kambing jantan dewasa pula antara 80 hingga 100 kg.



Penyelidikan kacukan kambing guna semen beku

SEMENTARA itu, menurut Mohd. Shariff Saleh dari syarikat Astreda Corporation Sdn. Bhd., pihaknya akan mengembangkan lagi usaha untuk menyebarkan bahan genetik yang bermutu dari kambing Shami ke negara lain di Asia Tenggara.

Oleh kerana tidak semua penternak di rantau ASEAN tidak mampu membeli dan mengimport baka kambing hidup terus dari Cyprus kerana kos pengangkutan udara yang tinggi.

Oleh itu, langkah alternatif ialah mengedarkan bahan genetik tersebut melalui pendedaran semen dari kambing Shami yang dibekukan.

Buat masa ini semen beku juga di import dari Cyprus kerana kambing jantan terbaik baka Shami hanya terdapat di sana.

"Pada masa hadapan kita merancang untuk mengeluarkan semen beku di rantau ini. Sebagai permulaan Pusat Penyelidikan Kambing di Hanoi, Vietnam telah menawarkan kediaan untuk mengadakan penyelidikan tentang pembiakan kacukan dengan menggunakan semen beku kambing Shami dikacukan dengan kambing tempatan di Vietnam," ujarnya.

Usaha tersebut akan memberi peluang kepada penternak yang tidak mampu mengimport kambing baka Shami supaya dapat membeli semen beku yang lebih murah. Dari situ penternak dapat melakukan permianan berdasahan genetik baka berkenaan yang dikacukan dengan kambing mereka.

"Kalau kita bawa masuk baka luar, satu pertiga kos membawa masuk melibatkan hal logistik sahaja," katanya.

Beliau mengukir pertumbuhan baka baka Shami antara 200 dan 300 kg dan kadar beranak yang tinggi iaitu dua ke tiga ekor anak di lahirkan setahun

mulai tahun kedua membawa harapan kepada penternak untuk mencatatkan keuntungan.

Pengeluaran susu sehingga tiga atau empat liter sehari juga menjanjikan pulangan lumayan.

Beliau yang telah lama terlibat dalam penternakan kambing menjelaskan, perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah biosekuriti ladang ternakan, teknik pemakanan yang sesuai, kandungan nutrien pada makanan yang baik dan adanya program vaksinasi yang berkesan.

Katanya, daripada aspek pemakanan pula, kambing memerlukan nutrien tertentu dan pilihan makanan yang sesuai.

Contohnya, satu pertiga daripada jumlah makanan masing-masing terdiri daripada rumput napier, daun sawit dan daun pokok hutan manakala bahan lain termasuk kulit soya basah dan hampas soyu.